

**TEKS UCAPAN**

**PROFESSOR DR MOHAMED IBRAHIM  
ABDUL MUTALIB**

**NAIB CANSOLOR**

**MAJLIS KONVOKESYEN KE 19**

**AHAD, 17 NOVEMBER 2019  
DEWAN CANSOLOR, UTP**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Yang Berbahagia Datuk Ahmad Nizam Salleh  
Pro Canselor Universiti Teknologi PETRONAS  
Dan Yang Berbahagia Datin Zainab Jaafar**

**Yang Berbahagia Dato' Raiha Azni Abdul Rahman  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti**

**Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti,  
Naib-Naib Canselor dan Wakil-Wakil Universiti,  
Ahli-Ahli Senat dan Pengurusan UTP,**

**Tetamu-Tetamu jemputan, wakil-wakil industri, rakan-rakan media,  
para ibu-bapa, tuan-tuan dan puan-puan serta para graduan yang  
diraikan.**

**Assalamua'aikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera**

**Dengan lafaz Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke  
hadrat Allah subhanahu wa ta'ala, yang dengan izin dan rahmatNya  
juga, memungkinkan untuk kita bertemu dan berkumpul di Dewan  
Canselor UTP sempena meraikan kejayaan para graduan kita hari ini.**

**Tujuh Belas November 2019. Tarikh yang dipilih untuk Majlis  
Konvokesyen UTP kali ke 19. Dan secara kebetulan pula, seramai itu  
jugalah graduan UTP pada tahun ini. Satu Tujuh Satu Satu, iaitu seribu  
tujuh ratus sebelas (1711) graduan. Setinggi-tinggi tahniah saya  
ucapkan kepada graduan UTP 2019!!**

Daripada jumlah seribu tujuh ratus sebelas (1711) graduan tahun ini, seribu empat ratus lima puluh tiga (1,453) adalah penerima Ijazah Sarjana Muda bagi sepuluh program akademik. Dan seperti tahun-tahun sebelum ini, peratusan graduan Ijazah Sarjana Muda yang mencapai Kelas Pertama dan Kelas Kedua Atas terus kekal pada tahap tujuh puluh peratus (70%).

Tahun ini juga menyaksikan seramai dua ratus lima puluh lapan (258) graduan pasca siswazah yang terdiri daripada seratus empat puluh tiga (143) penerima Ijazah Sarjana dan seratus lima belas (115) penerima Ijazah Kedoktoran. Peratusan graduan Ijazah Sarjana juga telah meningkat sebanyak lapan peratus (8%) berbanding tahun 2018. Manakala, dua ratus dua puluh tujuh (227) graduan pula merupakan graduan antarabangsa daripada dua puluh lapan (28) buah negara.

Kejayaan para graduan yang kita raikan pada hari ini adalah selari dengan pencapaian UTP sebagai salah sebuah universiti terbaik di Malaysia. Segala kepayahan dan penat lelah yang telah para graduan semua lalui, akhirnya membuahkan satu kejayaan. Sesungguhnya, anda semua adalah kebanggaan universiti ini. Sekali lagi, tahniah dan syabas diucapkan!

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor**

Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Seperti tahun-tahun yang lepas, tahun 2019 juga menyaksikan kecemerlangan UTP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Walaupun baru berusia dua puluh dua (22) tahun, UTP telah mencorak kejayaan dan melakar namanya di persada dunia. Ini terbukti apabila dua agensi penarafan antarabangsa iaitu *Quacquarelli Symonds (QS)* dan *Times Higher Education (THE)* masing-masing menyenaraikan UTP di kedudukan ke sembilan puluh sembilan (99) dan sembilan puluh lapan (98) sekaligus menjadikan UTP antara 100 universiti terbaik di rantau Asia.

Manakala, sejak mula disenaraikan di *QS World University Ranking*, kedudukan UTP telah meningkat sebanyak seratus dua puluh lapan (128) kedudukan. UTP kini berada di tangga ke empat ratus lapan puluh dua (482) universiti terbaik dunia!

Tahun 2019 ini juga menyaksikan salah sebuah pusat penyelidikan di UTP iaitu Centre for Biofuel and Biochemical Research (CBBR) menerima pengiktirafan oleh Kementerian Pelajaran sebagai sebuah Pusat Institusi Tinggi Cemerlang (HICoE). Manakala baru-baru ini, salah seorang penyelidik UTP telah menerima anugerah di Malaysia's Research Star Award di bawah kategori Kolaborasi Antarabangsa Terbaik. Tahniah diucapkan kepada Professor Ir. Dr. Suzana Yusuf dari Program Kejuruteraan Kimia!

UTP juga telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu the 8<sup>th</sup> International Conference on Bioprocessing pada bulan Mei 2019. Persidangan yang pertama kalinya diadakan di Malaysia itu telah menyaksikan penyertaan pakar-pakar akademik dari seluruh pelusuk dunia.

Penganjuran persidangan ini serta program-program yang dianjurkan sempena persidangan tersebut telah memberi impak yang besar terhadap perkembangan bidang teknologi hijau secara amnya.

Baru-baru ini juga, UTP turut menerima pensijilan dari SIRIM bagi ISO 45001: 2018 *Occupational Health and Safety Management System* dalam sebuah majlis pada 8 November 2019 yang menjadi bukti kesungguhan UTP untuk memberi persekitaran pembelajaran yang kondusif serta selamat untuk para pelajar dan kakitangannya.

UTP juga telah berjaya menduduki tempat ketiga bagi *Malaysia's 100 Leading Graduate Employers* di bawah kategori pendidikan. Kami percaya bahawa penerapan budaya kerja cemerlang melalui pelaksanaan *PETRONAS Cultural Beliefs* telah menyumbang kepada kejayaan UTP untuk memperolehi kejayaan tersebut.

#### Students' Achievements

### Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor

Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sesungguhnya, kejayaan sesebuah universiti bukan sahaja diukur melalui pencapaian dari segi *ranking* mahupun *rating*, tetapi juga kepada keupayaan untuk melahirkan graduan yang kompetitif, berdaya saing, berinovasi, serta memiliki tujuh (7) ciri-ciri serba boleh yang dipelopori oleh UTP.

Untuk tujuan ini, UTP memastikan agar kesemua pelajar kami akan terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum dan menjadi ahli kelab dan persatuan di kampus bagi membina kemahiran insaniah yang lebih jitu.

**Keupayaan pelajar UTP untuk bersaing di persada nasional dan antarabangsa turut terserlah di beberapa pertandingan di mana mereka telah mencipta kejayaan yang amat membanggakan, antaranya:**

- Johan bagi Kategori Pelan Pembangunan di Integrated Petroleum Festival di Indonesia**
- Anugerah Pelajar Terbaik dan Johan Geoquiz di Asia Petroleum Goescience Conference and Exhibition di Kuala Lumpur**
- Johan di Pertandingan Tenaga dan Alam Sekitar di Shah Alam**
- Johan bagi Pertandingan Akhir Debat Anti Rasuah Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM Institusi Pengajian Tinggi di Kuala Lumpur**
- Johan di Pertandingan Debat di Suzhou Debate Open di China**
- Anugerah Kecemerlangan Student Chapter Society for Petroleum Engineers dan**
- Tempat Ketiga Student Chapter terbaik EAGE di seluruh dunia**

**Di bidang sukan pula, pasukan ragbi “Drillers” UTP telah mencatat kejayaan cemerlang dan merangkul tempat pertama di beberapa kejohanan seperti Pertandingan Ragbi UTP 7-Sebelah, Karma Ragbi Bali 10-Sebelah dan Kejohanan Ragbi Masiswa 15-Sebelah. Atas kecemerlangan ini, pasukan ragbi Drillers UTP telah dianugerahkan sebagai Pasukan Sukan Terbaik di Anugerah Masiswa 2018. Tidak ketinggalan juga, UTP turut melakar pelbagai kejayaan di pertandingan sukan-sukan lain seperti badminton, bola jaring, bola tampar, catur, dan skuasy, serta taekwando, karate dan juga muay thai. Tahniah diucapkan!**

UTP juga amat menekankan aktiviti khidmat masyarakat di kalangan pelajar-pelajarnya. Bersesuaian dengan hadith Rasulullah s.a.w *“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia lain”*, pelajar-pelajar digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Aktiviti-aktiviti ini diharap dapat menerapkan sifat lebih mengasihani dan rendah diri terhadap semua golongan masyarakat. Sesungguhnya dengan memberi, tidak akan mengurangkan apa yang ada, malah kehidupan yang kita jalani sudah tentunya akan lebih memberi erti. *You will find meaning in life by giving to others.*

Justeru itu, bagi tahun 2019, seramai tiga ribu dua ratus lapan puluh lima (3285) orang pelajar telah melibatkan diri dalam seratus dua puluh enam (126) program khidmat masyarakat, manakala dua ratus enam puluh tujuh (267) pelajar pula terlibat di dalam program khidmat masyarakat di peringkat Asia seperti di Indonesia, Jepun, Thailand dan Vietnam.

University's  
Commitment

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor**

Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

UTP tidak terkecuali dari diasak dengan pelbagai cabaran dan dugaan yang memberi kesan yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di universiti.

Ini termasuklah kemerosotan bilangan pelajar yang mempunyai minat dalam STEM iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik; kos pembangunan dan pengoperasian yang semakin meningkat serta persaingan yang semakin sengit.

Namun, segala cabaran ini tidak mungkin akan mematahkan semangat kami. Diiringi sokongan yang padu dari PETRONAS dan pemegang taruh atau *stakeholders* kami yang lain, UTP akan terus berusaha untuk memastikan prasarana dan ekosistem pembelajaran yang kondusif disediakan bagi memastikan setiap pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya.

Bagi memastikan kesinambungan akses kepada pendidikan yang berkualiti, PETRONAS dan UTP menerusi Yayasan UTP and Tabung Amanah Zakat UTP telah meneruskan usaha murni ini dengan memberi sumbangan kewangan terutama kepada golongan yang memerlukan.

Sejak penubuhannya, Yayasan UTP telah membelanjakan lebih Lima Puluh Perpuluhan Empat Juta Ringgit (RM 50.4 juta) untuk memberi biasiswa kepada tiga ratus lima puluh tiga (353) pelajar. Manakala bantuan kewangan sejumlah Lapan Juta Ringgit (RM 8 juta) telah disumbangkan kepada lebih seribu dua ratus (1200) pelajar. Yayasan UTP turut menyokong aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah pelajar dengan memberi sumbangan berjumlah Lapan Perpuluhan Tiga Sembilan Juta Ringgit (RM 8.39 juta) yang melibatkan Seribu Seratus Lima Puluh Lima orang pelajar.



Tabung Amanah Zakat UTP juga turut aktif mengadakan kempen galakan bayaran zakat melalui UTP yang merupakan amil institusi. Pada tahun 2019 sahaja, Tiga Belas Perpuluhan Empat Juta Ringgit (RM 13,378,234.00) telah dikumpulkan melalui bayaran zakat di mana Seribu Empat Ratus Empat Puluh Lima pelajar (1445) yang layak telah menerima bantuan berjumlah lebih dari Tujuh Juta Ringgit (RM7,214,732.00).

Ini adalah sebahagian dari usaha pihak universiti untuk memastikan UTP terus berkembang, mampu bersaing dan mempunyai karakternya tersendiri sebagai sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang terulung di Malaysia.

Advice to the  
graduates

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

**Please allow me to now address the graduating class of 2019.**

**My dear graduates – it has indeed been a remarkable journey and we have truly enjoyed having you with us over the past five years.**

**Today is the last time you walk into this magnificent Chancellor Hall as a UTP student. When you leave, you will leave as alumni. You will say goodbye to a period in your life that can never be repeated and will always be remembered. You will now be part of the nineteen thousand and thirteen (19,013) alumni that the university has produced since 2001.**

**So, congratulations to all of you!**

The university is truly proud of you and what you have achieved. Your hard work, discipline and courage have all paid off today.

It is you, the students, that makes this university a university in its truest sense. You have made us smile. You have made us laugh. You have encouraged us, inspired us, and once in a while, become a source of stress.

But, more than anything, you have made a permanent imprint on UTP and its role as one of the leading universities in this country.

Remember that as this chapter of your life as a student closes, a new one will begin.

You are now free to face the world. You will now pave your way towards becoming future leaders of the nation. You have greater responsibilities ahead of you. Do your best and know that your efforts will make a difference.

Wherever you go, and whatever you do, always stay humble and remain true to your roots. Have courage and meaning in whatever you do and never compromise on your dignity and integrity. These are the values and virtues that you should always hold on to in order to go far in life. The university is confident that you will always do well, and you will always do right, no matter the paths you take in life.

**So Graduates,**

**Thank you for making UTP better and greater, for making us strive to give you our best.**

**Thank you for being the talent that the nation turns to, to become future leaders of the world.**

**Thank you for making our time as employees of this university, a fulfilling career.**

**And most of all, thank you for believing in us.**

**Just as remarkable as you are, the graduates of UTP, so are your parents and families. For the unconditional love, support and encouragement they have provided through the years. Let me tell you this, until you become parents one day, you will never know how much they love you.**

**To the Parents and Guardians, let me tell you that your children are amazing. Your children have spent the past five years with us with the hope of a better future. We hope we have done justice to you and to them. Thank you for sharing them with us, and in doing so, enriching all of our experiences at the university.**

**Graduates, please join me in giving your families the loudest round of applause for everything they have done to make today's celebration possible.**

**After this ceremony, please take the time to hug your parents and tell them how much you love them.**

**Yang Berbahagia Datuk Pro Canselor**

**Para graduan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

**Sebagai penutup, bagi pihak universiti, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg Datuk Pro Canselor, Pengurusan PETRONAS dan Lembaga Pengarah UTP atas sokongan, bimbingan dan inspirasi kepada semua kami di UTP.**

**Kepada semua warga kerja universiti, terima kasih yang tidak terhingga di atas segala kesetiaan, komitmen dan dedikasi anda. Segala pencapaian UTP sehingga kini, tidak dapat dicapai tanpa sokongan padu dari anda semua untuk merealisasikan visi dan misi universiti yang kita cintai ini.**

**Semoga segala sumbangan kita ini diterima sebagai usaha untuk memartabatkan ilmu bagi memperkasakan bangsa dan negara.**

**Akhir sekali, terima kasih semua yang telah bekerja keras bagi memastikan kejayaan majlis Konvokesyen UTP kali ke 19 ini.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**